

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Selasa, 7 Julai 2020 2:56 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Yang Pertama Aplikasi Teknologi Saringan Kesihatan



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

7 JULAI 2020 / 15 ZULKAEDAH 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee dan Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil dan Muhammad Shamsul Shafie

UUM YANG PERTAMA APLIKASIKAN TEKNOLOGI SARINGAN KESIHATAN



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) menjadi universiti pertama yang mengaplikasikan teknologi bagi mengesan suhu badan, sekali gus merekodkan kedatangan staf dengan menggunakan alat *Predictive Analytics Screening Solution (ONE PASS)* iaitu *Health-Screening System (HSS)*.

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU), UUM, Tan Sri Dr. Mohd Shukor Mahfar berkata, penggunaan ONE PASS itu amat bersepadu yang mana sistem disediakan bukan sahaja dapat mengesan suhu badan tetapi juga identiti seseorang serta berupaya merekod kehadiran staf.

Menurutnya, beliau berharap UUM dapat menjadi peneraju kepada universiti lain dalam usaha untuk menjadi kampus digital dengan mengaplikasi teknologi dalam urusan harian.

"Difahamkan, sebanyak 20 alat saringan kesihatan ini akan ditempatkan di lokasi strategik di sekitar kampus yang akan mengimbas suhu badan pelajar, staf dan juga pelawat. Ini satu penggunaan data base yang sangat efisien sesuai dengan era digital kini yang mana kita tidak boleh lari daripadanya.

"Dengan usaha UUM ke arah digital kampus, ia akan memberi manfaat kepada semua dan akan menjadi salah satu tarikan kepada orang luar kampus yang berminat untuk melanjutkan pengajian di UUM, malah semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pelbagai kursus telah dijalankan secara *online*, secara tidak langsung perkara ini memberi tambah nilai kepada warga kampus," katanya ketika menjalankan saringan suhu badan sempena Lawatan Kerja dan Discover UUM di Foyer Canselori, semalam.

HSS yang dibangunkan TM Berhad merupakan alat pemeriksaan kesihatan tanpa melakukan sebarang sentuhan yang mana papan pemuka digunakan untuk pengesanan suhu badan dan analitik.

Kelebihan HSS itu adalah imbasan suhu badan dilakukan tanpa sentuhan secara tepat dan pantas yang mengambil masa hanya 3 saat bagi setiap individu, integrasi yang mudah untuk bacaan suhu badan staf atau pelajar serta bacaan sistem kehadiran, seterusnya papan pemuka bersepadu untuk analisa dan laporan harian kehadiran.

Lebih menarik, sistem ini juga akan diintegrasikan dengan sistem kehadiran ke pejabat dan kuliah ketika bacaan suhu badan diambil.

Penggunaan sistem teknologi tersebut turut menarik perhatian Ahli LPU, Dato' Bazlan Osman yang mana katanya, kampus pintar mengaplikasikan teknologi untuk setiap urusan dalam kalangan warga kampus itu merupakan satu langkah positif yang memerlukan penggunaan teknologi terkini.

"Justeru, kerjasama antara UUM dengan TM Berhad dalam menggunakan teknologi terkini dilihat dapat melancarkan urusan dalam kalangan warga kampus," katanya.

Sementara itu, Ahli LPU, Dato' Wan Shahrudin Wan Mahmood berkata, penggunaan HSS di UUM ini adalah satu kerjasama yang bagus dengan melibatkan badan korporat seperti TM kerana ia memberi sokongan kepada universiti dalam usaha meningkatkan taraf proses saringan itu.

Menurutnya, dalam situasi pandemik ini, universiti memerlukan sokongan seperti ini dan ia adalah alat yang sangat relevan untuk universiti, tambahan UUM kini sedang menuju ke arah kampus digital.

"Digitalisasi adalah cara hidup kita pada masa hadapan yang mana kita tiada pilihan dan harus menerimanya dalam kehidupan, justeru universiti harus melabur, membangunkan infrastruktur dan juga tenaga kerja untuk menerima teknologi digital ini," katanya.

Senada dengan beliau, Ahli LPU, Khairul Azwan Harun turut bersetuju sekiranya UUM dapat bergerak ke arah kampus digital memandangkan cabaran pandemik Covid-19 telah membuka ruang baru ke arah mempermudah urusan pembelajaran pelajar.

Menurutnya, UUM sudah melangkah ke hadapan dalam *online learning* dan urusan keluar masuk pelawat yang bersistem menjadikan potensi yang ada dengan pendigitalan melibatkan sistem dan proses akan memberi manfaat yang lebih besar dalam bergerak ke arah Revolusi Industri 4.0.

“Kita sedang mencari peluang-peluang baru yang akan terhasil daripada 4.0 agar tidak ketinggalan berbanding universiti terkemuka yang lain.

“Usaha ini perlu diteruskan dan saya sebagai ahli LPU secara peribadi amat komited ke arah usaha ini, Insya-Allah saya akan terus menyumbang idea yang akan membantu mengangkat status UUM,” katanya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.